

Galak naik pengangkutan awam?



NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED

SEPERTI dijangka rata-rata pengguna terkejut dengan kenaikan tambang baharu pengangkutan awam monorel, Transit Aliran Ringan (LRT) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang mana kenaikannya hampir mencecah 100 peratus berkuat kuasa kelmarin. Secara ringkasnya majoriti pengguna tidak dapat menerima kenaikan ini dan mahukan kerajaan masuk campur dan menyemak semula kadar baharu tersebut.

Pihak KTMB dalam satu kenyataan sebelum ini mengumumkan harga tambang baharu bagi perkhidmatan KTM Komuter akan naik sehingga RM7.20 sehala. Ini menyaksikan kenaikan harga tambang baharu ini sebanyak 4 sen bagi setiap satu kilometer di mana harga asal sebelum ini adalah 11 sen bagi satu kilometer naik kepada 15 sen bagi satu kilometer di mana kenaikan itu membabitkan sektor Lembah Klang di laluan Tanjung Malim ke Sungai Gadut dan Batu Caves ke Pelabuhan Klang.

Di samping itu bagi LRT pula, antara yang naik ialah LRT Laluan Kelana Jaya, LRT Laluan Ampang dan Monorel RapidKL yang mengalami peningkatan sebanyak RM1 hingga RM4.40.

Antara asas kenaikan ini yang dikemukakan adalah ia dilihat sebahagian daripada inisiatif kerajaan untuk menggalakkan penduduk di luar Kuala Lumpur menggunakan pengangkutan awam, khasnya untuk mereka menjelajah dari kawasan pinggir bandar ke tempat kerja di pusat bandar. Di samping itu ia juga dikatakan untuk menampung kos operasi dan penyelenggaraan yang naik setiap tahun, susulan kenaikan harga alat-alat ganti serta untuk membiayai kadar komersial untuk tarif elektrik.

Kadar tambang baharu ini telah diluluskan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), selepas mendapat lampu hijau daripada Kabinet pada September lalu di mana kali terakhir penyelarasan tambang KTM Komuter ialah pada Februari 2003.

Dalam hal ini kita tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih



ORANG ramai membeli tiket KTM Komuter pada hari pertama kadar tambang komuter naik di KL Sentral, kelmarin. - UTUSAN/MOHD. AZIM ABD. RAHMAN

kepada pihak syarikat yang mengumumkan beberapa pengecualian seperti potongan sebanyak 50 peratus diberikan kepada kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun, pelajar sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi (IPT) dengan kad pelajar yang sah, warga emas serta Orang Kelainan Upaya (OKU).

Namun secara umumnya pengguna dewasa normal yang bekerja merupakan kelompok terbesar pengguna perkhidmatan ini menjadi golongan yang cukup terkesan dengan kenaikan tambang seperti ini. Hakikatnya majoriti pengguna pengangkutan awam ini adalah golongan berpendapatan rendah, sederhana dan miskin bandar terutamanya yang tidak mempunyai kenderaan sendiri, justeru kenaikan tersebut pastinya akan membuat rakyat terbeban dan tidak mustahil akan mengalami tekanan hidup.

Seperti yang sedia maklum kos sara hidup di bandar semakin meningkat dan tidak menentu akibat situasi ekonomi tidak menentu dan kenaikan pelbagai harga barang dan perkhidmatan. Ia sudah cukup merisaukan dan membebankan golongan berpendapatan rendah dan miskin bandar. Maka kita berharap kerajaan mempertimbangkan semula kenaikan tambang pengangkutan awam seperti ini yang mula menambah lagi beban sedia ada.

Pengangkutan adalah antara aspek asas keperluan manusia dan di negara kita pengangkutan awam se-

cara relatifnya masih menjadi sumber pengangkutan utama majoriti penduduk terutamanya di bandar. Masih ramai bergantung harap kepada pengangkutan awam ini untuk pelbagai urusan kerja harian. Justeru ini wajar dilihat dalam aspek dan konteks kebijakan rakyat dan bukannya persoalan untung atau rugi dalam perniagaan.

Kita sedar dan sama sekali tidak menafikan betapa kos operasi mahupun penyelenggaraan semakin meningkat tetapi adakah langkah menaikkan kadar tambang adalah satu-satunya jalan penyelesaian yang bijak dan berhemah kepada masalah terbabit terutamanya pada saat yang genting seperti ini? Sewajarnya tindakan menaikkan harga tambang menjadi pilihan terakhir setelah segala inisiatif lain telah dilaksanakan.

Tidak salah dalam soal kebijakan rakyat seperti ini pihak kerajaan turus membantu memberikan bantuan subsidi yang sewajarnya kepada pihak syarikat supaya operasi dan perkhidmatan pengangkutan awam ini dapat diteruskan seperti biasa pada kadar sedia ada. Hal ini cukup penting kerana pembayaran tambang membabitkan pengeluaran wang tunai secara jelas dan nyata. Jadi ia pasti akan membebankan rakyat jika meningkat secara mendak seperti ini.

Dalam pada itu, kita juga jangan lupa betapa baru-baru ini kadar tol juga meningkat di samping pengumuman terkini tambang baharu Express



Kita perlu ingat betapa kerajaan sendiri yang sangat menggalakkan rakyat untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam. Maka tindakan sebegini sudah semestinya merencatkan hasrat dan galakkan terbabit.

Rail Link Sdn Bhd (ERL) bagi perjalanan sehala dari KL Sentral ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan ke KLIA2 iaitu RM55, berkuat kuasa mulai 1 Januari tahun depan yang menyaksikan kenaikan kadar tambang sebanyak 57 peratus - dari RM35 kepada RM55.

Rumusan mudah dalam kalangan rakyat pada hari ini ialah semua tambang dan kos penggunaan pengangkutan dan kemudahan awam sudah mula meningkat satu demi satu. Tatkala keadaan ekonomi tidak menentu dan kos sara hidup semakin meningkat pengguna dilihat tidak mampu lagi menyerap peningkatan harga seperti ini.

Pokoknya, kita perlu ingat betapa kerajaan sendiri yang sangat menggalakkan rakyat untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam. Maka tindakan sebegini sudah semestinya merencatkan hasrat dan galakkan terbabit.

Justeru sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan mesra rakyat kita sangat berharap agar pihak kerajaan benar-benar merasai denyut nadi dan keluh kesah rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah, sederhana dan miskin bandar.

Selamih permasalahan rakyat di peringkat akar umbi sebelum membuat sesuatu keputusan drastik seperti ini agar tidak mengeruhkan keadaan. Kita juga tidak mahu ada pihak yang menangguk di air yang keruh dengan mengambil peluang ini untuk terus menaburkan pelbagai persepsi dan fitnah terhadap pihak kerajaan.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.